

**Kenyataan Media**  
**YB. Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein**  
**Menteri Pertahanan Malaysia**

**Pelancaran Sukarelawan 1Mindef**

**Kota Bahru, 04 Januari 2015**

---

Hari ini saya melancarkan Sukarelawan 1Mindef yang melibatkan sukarelawan dari kalangan warga Kementerian Pertahanan iaitu pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), Briged Sukarelawan Khidmat Negara (BSKN), askar wataniah dan Sukarelawan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM), serta NGO lain termasuk Institut Onn Jaafar (IOJ), Universiti Tun Hussein Onn dan IM4U.

Selain menjadi pemangkin kepada hasrat kerajaan untuk membantu mangsa-mangsa banjir, antara objektif lain penubuhan Sukarelawan 1Mindef adalah memperkukuh semangat perpaduan dan kerjasama dalam diri setiap anggota sukarelawan dan masyarakat sekali gus melahirkan generasi yang mempunyai rasa kecintaan dan semangat patriotisme yang tinggi kepada negara.

Pada masa yang sama, Sukarelawan 1Mindef ini akan dijadikan medan untuk memberi peluang kepada setiap ahlinya khususnya generasi muda bagi memberi khidmat bakti kepada negara melalui program yang bermanfaat. Justeru, pihak Kementerian Pertahanan sedia membuka ruang kepada pihak-pihak lain untuk melibatkan diri dalam Sukarelawan 1Mindef ini khusus bagi mereka yang berminat dalam aktiviti kesukarelawan.

Untuk permulaan, seramai 2,500 Sukarelawan 1Mindef akan digerakkan hari ini. Sebahagiannya sudah berada di Manek Urai, untuk melaksanakan kerja-kerja sukarelawan membantu mangsa banjir. Melalui inisiatif ini, Sukarelawan 1Mindef ditugaskan melaksanakan pembersihan di sekolah, rumah mangsa-mangsa banjir yang mengalami kerosakan teruk serta tempat-tempat awam.

Memandangkan Manek Urai telah dipilih sebagai kawasan angkat Kementerian Pertahanan sempena banjir kali ini, maka Rejimen Askar Jurutera Diraja (RAJD) ATM akan turut dilibatkan dalam membantu kerja-kerja membaik pulih rumah yang rosak teruk di kawasan tersebut.

Usaha kesukarelaan ini akan diteruskan bukan sahaja di Kelantan, tetapi juga di negeri-negeri lain yang dilanda banjir. Ia adalah sebahagian daripada komitmen dan keprihatinan Kementerian Pertahanan untuk bersama-sama meringankan beban yang ditanggung oleh mangsa-mangsa banjir.

Sementara itu, setakat semalam (3 Januari 2015), pihak ATM telah melaksanakan sebanyak 310 penerbangan (sortie) menggunakan aset-aset udara TUDM bagi

menjayakan operasi Ops Murni di seluruh negara, iaitu sejak 25 Disember 2014 lalu. Manakala sebanyak 740 tan bekalan banjir telah disalurkan ke negeri-negeri terlibat banjir, melalui penerbangan-penerbangan ini.

Khusus untuk Pusat Pengumpulan Bekalan Banjir di Pangkalan Udara TUDM Subang, sehingga semalam, sebanyak 2,679 tan bekalan telah diterima. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,561 tan bekalan telah diagihkan ke kawasan banjir yang melibatkan 1,991 tan diagihkan melalui darat dan 570 tan melalui udara (57 sortie). Baki bekalan yang masih belum diagihkan di pusat tersebut setakat semalam ialah 118 tan.

Selain itu, 4 pusat kecil pengumpulan bekalan (sub centre) yang ditubuhkan di Kedah, Melaka dan Perak telah beroperasi sepenuhnya dan sudah mula menerima sumbangan pelbagai pihak dari kawasan berhampiran. Sumbangan ini sebahagiannya telah mula diagihkan ke kawasan banjir yang berdekatan.

Semalam, seramai 3,747 anggota ATM bertugas di barisan hadapan untuk membantu operasi Ops Murni di seluruh negara. Dari segi aset ATM pula, semalam, antara yang digerakkan ialah 2 buah helikopter Nuri, 7 buah helikopter Agusta, 6 helikopter EC725, 2 pesawat C130, 2 helikopter Fennec, 2 helikopter Super Lynx, 128 trak 3 tan, 75 bot, 88 enjin bot OBM, 29 Land rover, 25 trak 7 tan TATRA, 4 water treler, 21 Dapur Medan, 7 ambulans, 1 kereta jenazah, 1 bas, 2 pacuan 4 roda, 2 van, pasukan selam dan pasukan perubatan.

Dalam pada itu, saya juga ingin memaklumkan bahawa bantuan 5 buah Water Purification Unit (WPU) oleh Tentera Darat Singapura telah mula digunakan di Kelantan. 3 Set WPU bersama 3 pegawai dan 15 anggota Tentera Darat Singapura (HQ Guard terdiri daripada infantri, logistik dan mekanik) serta 1 pegawai dan 5 anggota dari Pasukan 7 Skuadron Rejimen Askar Jurutera Diraja (RAJD) telah digerakkan pada 31 Disember 2014 lalu untuk pemasangan dan penempatan di Pejabat Tanah dan Jajahan Machang, Kelantan.

Manakala 2 set WPU lagi bersama 3 pegawai dan 15 anggota dari Pasukan Pertahanan Awam Singapura serta 1 pegawai dan 5 anggota dari 7 RAJD telah ditempatkan di Kuala Krai, Kelantan pada 31 Disember 2014 lalu. 2 WPU ini telah beroperasi serta dimanfaatkan oleh penduduk kampung berdekatan.

Bantuan WPU ini menggambarkan keprihatinan kerajaan Singapura terhadap keperitan yang dihadapi Malaysia ketika bencana banjir kali ini.

- tamat -